

Amanah & itqan perlu seiring



Bersama
Sahibus Samahah
Dr Luqman
Abdullah



Amanah dan tugas yang diberikan perlulah disempurnakan sebaik mungkin dan perlu menjauhkan diri daripada apa sahaja perbuatan dan perlakuan yang bercanggah dengan tuntutan agama

Dalam melakukan apa sahaja pekerjaan, selain kelayakan dan kemahiran ada satu lagi perkara yang perlu diterapkan dalam setiap orang khususnya Muslim iaitu sifat integriti. Ketiadaan sifat integriti dan amanah bukan sahaja boleh mencalarakan peribadi bahkan akan memburukkan dan merosakkan prestasi dan nama baik sesebuah organisasi.

Islam juga menekankan soal integriti dalam kehidupan manusia. Nilai-nilai integriti terbentuk melalui nilai amanah, jujur dan kebolehpercayaan dalam memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri.

Sekiranya perbuatan tidak bermoral dan tidak bertanggungjawab dalam kalangan individu yang bekerja masih lagi tidak dibendung maka kualiti individu juga organisasi akan terjejas. Bahkan, akan membawa kepada kegagalan tadbir urus dalam sesebuah organisasi. Oleh itu, konsep integriti ini perlu diamalkan dan diterapkan dalam kalangan individu sesebuah organisasi. Hal ini kerana memahaminya secara teori tidak memadai bagi meningkatkan nilai-nilai murni dalam diri setiap individu, jika teori integriti tersebut tidak diberikan pendedahan, dipraktikkan dan dimanfaatkan ke dalam realiti semasa.

Di dalam Islam, konsep integriti ini boleh diungkapkan juga dengan sifat amanah dan itqan (bersungguh-sungguh). Di dalam al-Quran, Allah SWT menyifatkan antara sifat orang yang beriman ialah mereka menjalankan amanah dan menjaga janji mereka. Firman Allah SWT bermaksud: "Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya." (Surah al-Mu'minun: 8)

Di samping itu, Rasulullah SAW juga sangat menekankan sifat amanah dan itqan dalam bekerja. Kedua-dua sifat tersebut ialah sifat yang disukai dan dicintai oleh Allah SWT. Dalam satu hadis, Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Sesungguhnya Allah SWT mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu pekerjaan, dia melakukan dengan itqan (bersungguh-sungguh)." (Riwayat al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Awsath, 897)

Sebagai contoh, jika pekerja mempunyai nilai integriti yang

tinggi dalam diri mereka, pasti mereka akan melaksanakan sesuatu kerja yang diberikan kepada mereka dengan sebaik mungkin. Mereka juga tidak membuang masa dan mencuri tulang dalam waktu bekerja, bahkan mereka menumpukan sepenuh perhatian terhadap kerja yang dilakukan dan bersungguh-sungguh menyempurnakannya. Hal ini sudah tentu akan memberikan sumbangan yang signifikan kepada kecemerlangan organisasi.

Sebaliknya, sifat-sifat negatif seperti khianat, tidak amanah, memberi atau menerima rasuah, suka membuang masa, mencuri tulang dan seumpamanya pula akan memberi kesan dan menjejaskan kredibiliti sesebuah organisasi. Ini kerana apabila sesebuah organisasi dipaliti dengan masalah integriti seperti ini, sudah tentu tidak mendapat kepercayaan dan hormat daripada masyarakat.

Cabaran dalam mengamalkan budaya integriti

Cabaran dalam merealisasikan pematuhan integriti dalam pekerjaan berpunca daripada sikap individu atau organisasi yang tidak bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas sehingga menyebabkan pelbagai perkara yang menjejaskan integriti pekerja dan sektor pekerjaan itu sendiri. Antara cabaran membudayakan amalan integriti ialah:

Pertama : Rasuah

Berdasarkan laporan berita yang menyatakan musuh nombor satu negara adalah gejala rasuah dengan melihat kepada statistik SPRM dari 2014 sehingga Jun 2018, seramai 4,860 orang ditangkap kerana rasuah dan 2,594 atau 53.4 peratus daripada jumlah itu adalah golongan muda. Amalan rasuah boleh meruntuhkan integriti sistem pentadbiran sesebuah negara. Justeru, usaha dalam membanteras rasuah atau duit kopi adalah dengan mendidik kesedaran mengenai kesan buruk kepada pelaku dan penerima rasuah. Kita perlu tanamkan perasaan takut terhadap amalan mazmumah yang jelas akan menerima balasan (akibat) yang buruk. Amalan rasuah termasuk dalam dosa besar kerana ancaman laknat. Sebuah hadis, Abdullah ibn 'Amr RA meriwayatkan bermaksud: "Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah." (Riwayat Abu Daud, 3580), al-Tirmizi, 1337) dan Ibn Majah, 2313)

Kedua : Birokrasi

Proses atau urusan kerja, terutama yang melibatkan pihak

► INFO

Statistik SPRM daripada 2014 sehingga Jun 2018, seramai 4,860 orang ditangkap kerana rasuah

2,594 atau 53.4 peratus daripada jumlah itu adalah golongan muda

Amalan rasuah termasuk dalam dosa besar kerana ancaman laknat

kerajaan atau agensi kerajaan kadangkala mengambil masa sangat lama kerana terpaksa melalui berbagai-bagai peraturan, peringkat kelulusan dan sebagainya sebelum sesuatu permohonan atau perkara dapat diluluskan atau dilaksanakan. Sistem penyampaian yang berkesan boleh dihasilkan jika adanya kerjasama daripada peringkat atasan hingga ke peringkat pelaksana. Kita juga sedar bahawa pengurusan birokrasi yang bermasalah akan memberi tekanan dan mengganggu produktiviti pelaksanaan kerja kepada para pekerja dan akan menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan pelanggan.

Ketiga : Tekanan dan beban tanggungjawab yang besar

Realiti kehidupan pada zaman yang serba moden dan penuh dengan persaingan di tempat kerja menyebabkan ramai pekerja mengalami tekanan. Mendepani dunia yang cukup mencabar hari ini, kebanyakan penjawat awam yang tinggal di bandar menghadapi cabaran dalam menguruskan kehidupan seharian dek kekurangan kewangan dan perbelanjaan hidup yang tinggi di kota metropolitan. Mereka kadang-kadang terpaksa melakukan dua atau tiga kerja dan membuat kerja sampingan demi menampung kehidupan seharian dan menjamin kehidupan yang lebih selesa.

Perkara ini amat merisaukan jika mereka bertindak mengambil jalan mudah seperti terlibat dalam rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan sebagainya untuk keluar daripada tekanan dan beban yang mereka hadapi.

Keempat : Tidak tekun dan sambil lewa dalam melaksanakan tugas

Dapat dilihat kini, segelintir pekerja yang melaksanakan tugas yang diamanahkan secara sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh. Sekiranya sikap ini berterusan, ia akan menjejaskan prestasi pekerja kerana tugas yang dilaksanakan tidak berkualiti

atau tidak mencapai tahap yang memuaskan.

Setiap pekerja perlulah menjalankan tugas yang diberikan dengan tekun, amanah dan bertanggungjawab. Hal ini demikian kerana sifat mahmudah ini ialah sifat nabi dan rasul yang perlu dicontohi oleh setiap umat Islam.

Solusi untuk merealisasikan integriti

Menurut glosari integriti, integriti merujuk perihai sifat individu dan organisasi yang sempurna berteraskan nilai murni seperti jujur, benar, amanah, adil, bertanggungjawab, telus, cekap dan amanah dan bijaksana (Rujuk Institut Integriti Malaysia). Justeru, integriti mempunyai kaitan erat dengan etika yang perlu kepada penerapan nilai Islam dalam perkhidmatan awam mahupun swasta. Nilai-nilai tersebut dapat dicapai dalam apa jua bidang pekerjaan sekiranya individu mempunyai keimanan dan ketakwaan dalam diri masing-masing ketika melaksanakan tugas. Sifat takwa dapat memelihara diri daripada melakukan sebarang dosa kerana keyakinan terhadap akhirat, perkara aib, dosa, pahala dan hari pembalasan.

Allah SWT berfirman: "Alif, lam, mim (1) Kitab (al-Quran) ini, tidak ada sebarang keraguan (syak) padanya, ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang hendak bertakwa (2) Iaitu orang yang beriman kepada perkara-perkara ghaib dan mendirikan solat serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang kami berikan kepada mereka." (Surah al-Baqarah, ayat 1-3)

Berdasarkan perbincangan yang panjang lebar yang dihuraikan, maka dapat disimpulkan bahawa sikap integriti adalah satu sikap yang amat penting untuk diterapkan dalam diri setiap individu. Ketiadaan sifat ini bukan sahaja boleh mencalarakan imej peribadi atau keluarga bahkan lebih daripada itu akan memburukkan dan membantutkan lagi kemajuan sesebuah organisasi. Sebagai seorang Muslim, integriti didasari dengan ikatan dosa dan pahala. Amanah dan tugas yang diberikan perlulah disempurnakan sebaik mungkin dan perlu menjauhkan diri daripada apa sahaja perbuatan dan perlakuan yang bercanggah dengan tuntutan agama.

Penulis Mufti Wilayah Persekutuan (Huraian penuh di laman sesawang Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan)

